



Sembang@Waghih

أونيت حال احوال اسلام

BIL.2

1 SEPTEMBER 2025
(8 RABIULAWAL 1447H)

(PENA UNIT HAL EHWAL ISLAM UiTMCNS)

Oleh : Puaad Osman – Penolong Pendaftar Kanan (HEI)

MUTIARA HADIS NABI

صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ



GALAKKAN SUPAYA TEKUN BERUSAHA

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ
لَأَنْ يَخْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ
مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا، فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ

Terjemahan :

“Seseorang di antara kalian memikul seikat kayu di atas belakangnya lebih baik baginya daripada dia meminta-minta kepada orang lain, yang mungkin memberinya atau tidak memberinya.”

Riwayat Al-Bukhari & Muslim

Nilai Usaha Sendiri

Rasulullah ﷺ menekankan bahawa berusaha dengan tangan sendiri, walau dengan pekerjaan yang kelihatan remeh seperti mengutip kayu api, lebih mulia dan terhormat berbanding hidup meminta-minta.

Islam Menganjurkan Ketekunan dan Daya Usaha

Hadis ini menjadi bukti bahawa Islam amat menggalakkan umatnya untuk bekerja dan bersungguh-sungguh dalam kehidupan, tanpa bergantung kepada bantuan orang lain jika masih mampu berusaha.

Menjaga Maruah Diri

Orang yang tekun bekerja menjaga kehormatan dirinya, berbanding mereka yang suka meminta-minta yang boleh menjatuhkan maruah dan mengikis nilai harga diri.

Penutup

Hadis ini sangat relevan dalam dunia hari ini, di saat ramai yang mudah putus asa, mahu jalan pintas, dan hidup bersandar pada bantuan, Islam mengajar untuk tetap gigih, sabar dan bekerja keras berusaha tanpa lelah, dan bertawakal penuh pada Allah.

SANTAPAN JIWA

Oleh : Puaad Osman – Penolong Pendaftar Kanan (HEI)

KEHEBATAN JATI DIRI MUKMIN



Jati diri mukmin merujuk kepada kekuatan dalaman seorang Muslim yang berpaksikan akidah yang sahih, ibadah yang benar, dan akhlak yang terpuji. Ia mencerminkan keteguhan iman, keikhlasan dalam beramal, serta kecekalan dalam mempertahankan nilai-nilai Islam dalam segenap aspek kehidupan.

Mukmin yang mempunyai jati diri tidak mudah goyah dengan godaan dunia. Mereka berani mempertahankan kebenaran walaupun terpaksa berdepan kesusahan. Membina jati diri adalah proses yang berterusan. Ia menuntut mujahadah (kesungguhan) dan istiqamah. Gangguan dan cabaran pasti datang, namun mukmin sejati tetap tabah menghadapi ujian.

KEPENTINGAN JATI DIRI MUKMIN

Jati diri mukmin bukan hanya penting untuk diri sendiri, malah ia memberi kesan besar kepada masyarakat dan negara. Mukmin yang kuat jati dirinya akan menjadi:

- Individu yang jujur dan bertanggungjawab
- Anggota keluarga yang penyayang
- Warga masyarakat yang prihatin
- Pemimpin yang adil dan amanah

PENUTUP

Membina jati diri mukmin adalah satu usaha berterusan yang bermula daripada keikhlasan hati untuk berubah dan memperbaiki diri. Dalam dunia yang semakin mencabar, hanya mereka yang memiliki jati diri kukuh akan mampu bertahan dan terus menjadi insan yang memberi manfaat kepada ummah. Jadilah mukmin yang bukan sahaja hebat di mata manusia, tetapi lebih utama, mulia di sisi Allah SWT.